

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semasa pemerintahan Jepun di Malaysia sekitar tahun 1942-an, ramai rakyat Malaysia terutamanya kaum India dibawa ke Siam untuk projek pembinaan landasan kereta api dan ramai yang telah terkorban nyawa dalam projek tersebut. Pihak pemerintahan Jepun juga telah membayar wang pampasan untuk rakyat yang terlibat. Soalan saya di manakah wang tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Isu dakwaan bahawa Kerajaan Malaysia telah menerima pampasan sebanyak RM207 bilion daripada Kerajaan Jepun sebagai pampasan kepada rakyat Malaysia yang menderita selepas terlibat sebagai buruh paksa dalam pembinaan kereta api Siam ke Burma semasa Perang Dunia Kedua telah ditimbulkan pada penghujung tahun 2012.
2. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan dua (2) kenyataan rasmi pada 15 dan 19 Januari 2013 untuk **menyangkal dakwaan palsu** tersebut.
3. Sehubungan itu isu wang pampasan daripada Kerajaan Jepun untuk rakyat Malaysia yang terlibat sebagai buruh paksa bagi projek pembinaan landasan kereta api dari Siam ke Burma semasa Perang Dunia Kedua adalah tidak berbangkit. Sekian, terima kasih.